



Nestlé Good food, Good life

## Siaran Akhbar

Kuala Lumpur, 21 Mac 2024

### **KitKat® Bekerjasama Dengan EPIC Homes Untuk Naik Taraf Kehidupan Masyarakat Orang Asli**

*Lebih daripada RM170,000 dihulurkan untuk membantu masyarakat Orang Asli di Selangor*

**Kuala Lumpur, 31 Mac 2024** - Sempena bulan Ramadan penuh berkat ini, Nestlé KitKat® berkongsi rezeki dan membawa kesan positif kepada penduduk tempatan menerusi kempen **KitKat® Rezeki Dikongsi Bersama**. Dengan kerjasama EPIC Homes, KitKat® bertekad untuk menaik taraf kehidupan masyarakat Orang Asli melalui peruntukan dana berjumlah RM172,000 bagi memenuhi keperluan penduduk-penduduk, terutamanya mereka yang berkongsi ruang kediaman yang sempit dengan beberapa keluarga yang lain. Sokongan ini menangani keperluan seperti memperbaiki rumah, meningkatkan kemahiran masyarakat dan membekalkan keperluan asas.

Melalui lawatan ke Kampung Orang Asli Songkok baru-baru ini, **Dato' Adnan Pawanteh, Pengarah Eksekutif, Hal Ehwal Korporat Nestlé (Malaysia) Berhad** meluahkan penghargaan atas kerjasama dengan EPIC Homes. Beliau berkata, "Kami bersyukur dapat bekerjasama dengan EPIC Homes dan berkongsi kegembiraan yang dibawakan oleh KitKat®. Sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri yang akan datang, inisiatif ini menggalakkan penglibatan sosial dan memberikan kesan bermakna kepada golongan yang memerlukan. Sukarelawan *Nestlé Cares* turut bersedia untuk menghulurkan bantuan serta menunaikan komitmen bersama yang mencetuskan perubahan positif dalam masyarakat."

Sumbangan KitKat® kepada EPIC Homes meliputi kerja pembaikan rumah-rumah yang berada dalam keadaan yang daif seperti penggantian struktur asas rumah di Kampung Orang Asli Sungai Songkok dan Kampung Orang Asli Sungai Kelubi, Selangor. Terdapat rumah yang bumbungnya sudah bocor dan ada juga yang menghadapi masalah struktur. Penduduk-penduduk Orang Asli menghadapi cabaran untuk memperbaiki rumah mereka kerana mengalami kesulitan kewangan dan kekurangan sumber. Selain bantuan kewangan, KitKat® turut menyediakan alat-alat pembaikan rumah dan melengkapkan masyarakat Orang Asli dengan kemahiran memperbaiki rumah, demi menjamin kemampunan komuniti jangka masa panjang.

Lebih daripada 300 jubin bumbung dan papan panel ECOPEAL, yang ditaja oleh Projek CAREton anjuran Nestlé Malaysia dan Tetra Pak, telah digunakan untuk menyokong kerja-kerja pembaikan, termasuk pemulihan lantai, pembinaan semula dinding dan pembaikan bumbung. Bahan-bahan mesra alam ini digunakan dalam pelbagai projek, termasuk pembinaan rumah masyarakat Orang Asli oleh NGO dan inisiatif komuniti yang lain.

**John-Son Oei, Pengasas Bersama & Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) EPIC Homes,** merakamkan penghargaannya atas kerjasama ini, "Di EPIC Homes, kami berusaha merapatkan jurang antara komuniti bandar dan luar bandar dengan memupuk hubungan yang bermakna antara kedua-duanya. Semangat kerjasama dapat dijalin dengan menggalakkan sukarelawan membina rumah bersama komuniti Orang Asli. Hubungan ini memainkan peranan yang penting untuk transformasi jangka panjang dalam masyarakat dan memberikan sokongan yang diperlukan. Ini merupakan kali kedua EPIC Homes bekerjasama dengan Nestlé dan KitKat® - dan saya amat bersyukur atas projek bermakna ini yang dapat menjana kesan positif untuk membawa penyelesaian serta harapan kepada mereka dalam kesulitan. EPIC Homes mengalu-alukan lebih banyak kerjasama seperti ini pada masa akan datang."

Di samping itu, sebanyak 150 unit hamper Nestlé Cares, bernilai RM53,000, telah diagihkan kepada komuniti Orang Asli di dua kampung tersebut. Setiap hamper mengandungi bahan makanan asas dan produk Nestlé seperti KitKat®, MILO®, MAGGI®, NESCAFÉ, NESTUM, EVERYDAY® dan lain-lain, menekankan komitmen Nestlé untuk membekalkan khasiat pemakanan kepada individu dan keluarga yang memerlukan.

Sempena bulan Ramadan dan sambutan Hari Raya Aidilfitri yang akan datang, KitKat® melancarkan peraduan **Menang Break Raya**, bermula dari 7 Mac hingga 2 Mei 2024. Peraduan ini memberikan peluang kepada peserta untuk memenangi hadiah sambil mencipta kenangan manis bersama insan tersayang. Dua pemenang berpeluang untuk memilih destinasi idaman termasuk Jepun, Korea Selatan, Turki, atau peluang menunaikan umrah di Mekah, Arab Saudi, bersama keluarga tersayang atau rakan-rakan yang dihargai.

Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://www.nestle.com.my/brands/confectionery>, FB di <https://www.facebook.com/KitKatMalaysia> dan IG di [www.instagram.com/KitKatMalaysia](http://www.instagram.com/KitKatMalaysia).

\*\*\*\*\*

### **Mengenai KITKAT Nestlé**

Dicipta pada tahun 1935, KITKAT menjadi sebahagian daripada rangkaian produk konfeksi Nestlé pada tahun 1988, dan telah berkembang menjadi satu daripada jenama terbesar Nestlé. Snek ringan ini merupakan salah satu jenama coklat kegemaran Malaysia dan dieksport ke 14 negara di seluruh dunia. KITKAT Nestlé merupakan jenama konfeksi global pertama menggunakan 100% koko yang diperolehi secara lestari menerusi Pelan Koko Nestlé.

Ungkapan "*Have a break, have a KITKAT*" (Berehat sebentar, Bersama KITKAT) menggambarkan dengan tepat misi KITKAT – untuk membantu anda berehat sebentar apabila anda paling memerlukannya. Raikan saat-saat keseronokan, kespontanan, kelazatan, nikmat, dan ganjaran bersama KITKAT. Sama ada anda terbenam dalam timbunan kertas dan fail kerja atau anda bekerja seperti jentera, anda boleh menikmati kudapan manis ini, yang diperbuat daripada 100% koko lestari, pada bila-bla masa, di mana-mana sahaja dan dengan apa jua cara. KITKAT ialah produk buatan tempatan 100% Halal yang dikeluarkan di kilang Nestlé yang disahkan Halal di Chembong, Negeri Sembilan.

### **Mengenai Nestlé Malaysia**

Nestlé merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia. Beribu pejabat di Switzerland, Nestlé beroperasi di lebih 180 negara di seluruh dunia, dan seramai lebih 270,000 orang kakitangan kami komited terhadap matlamat Nestlé, yang berusaha memanfaatkan kelebihan makanan untuk meningkatkan kualiti kehidupan untuk semua insan, masa kini dan untuk generasi masa depan. Prestasi kami dipacu oleh strategi Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan kami. Menjana khasiat rakyat

Malaysia sejak 1912, Nestlé telah meraih kepercayaan para pengguna kami menerusi jenama dan produk kami yang bermutu tinggi. Kami juga komited untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan masyarakat di mana kami beroperasi, sambil mengekalkan kecemerlangan dan ketelusan produk Halal kami.

Ini sejajar dengan janji kami untuk menawarkan GOOD FOOD, GOOD LIFE kepada semua. Untuk ketahui lebih lanjut tentang usaha kami menjana khasiat rakyat Malaysia melebihi seabad, sila layari [www.nestle.com.my](http://www.nestle.com.my) atau kunjungi laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/NestleMalaysia>.

---

**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

**Shaheen Zaffar**

Nestlé (Malaysia) Berhad

Tel: +603 7965 6456

+60 12 235 6865

E-mel: [Shaheen.MohamedZaffar@my.nestle.com](mailto:Shaheen.MohamedZaffar@my.nestle.com)

**Nurul Atiqah Mustapa**

Perspective Strategies

Tel: +603 7491 3138

+60 19 234 1115

E-mel: [nurul.atiqah@perspective.com.my](mailto:nurul.atiqah@perspective.com.my)